



Headline : Untung Deleum lebih tinggi
Media : Utusan Malaysia
Day/Date : 28 April 2010
Page :
Links :

Untung Deleum lebih tinggi

KUALA LUMPUR 27 April – Deleum Bhd., penyedia perkhidmatan industri minyak dan gas mencatatkan pertumbuhan keuntungan bersih 14 peratus kepada RM26.5 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 berbanding dengan RM23.3 juta pada tahun lepas.

Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Izham Mahmud berkata, pertumbuhan itu berikutan peningkatan aktiviti peralatan dan perkhidmatan serta pada segmen peralatan khas dan perkhidmatan.

“Perangkaan tahun kewangan itu juga dirangsang oleh keputusan tahun penuh Penaga Dresser Sdn. Bhd. yang diambil alih pada Ogos 2008,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Deleum mencatatkan peningkatan 21 peratus perolehan sebanyak RM514 juta bagi 2009 berbanding dengan RM425 juta pada 2008, manakala keuntungan sebelum cukai bertambah baik, yang meningkat 24 peratus kepada RM46 juta daripada RM37 juta sebelumnya.

Beliau berkata, syarikat itu mengembangkan skop dan aktiviti dengan pelaburan selanjut-

nya dalam peralatan dan perkakasan, juga menambahkan tenaga kerja dan mempertingkatkan kemampuan dalaman pada tahun yang dikaji itu.

“Lembaga pengarah juga akan mencadangkan satu dividen bebas cukai tingkat satu yang terakhir, saham sebanyak 7.0 peratus kepada para pemegang saham pada mesyuarat agung tahunan syarikat itu,” katanya.

Pada keseluruhannya, Izham berkata dividen yang diisytiharkan bagi tahun itu akan berjumlah sebanyak 12 sen sesaham.

Menuju ke hadapan, beliau berkata, Deleum akan terus meletakkan syarikat itu sebagai penyedia perkhidmatan keutamaan bagi minyak dan gas serta industri penjana tenaga dengan merebut peluang di dalam pasaran semasa dan mengembang pada peringkat serantau.

“Deleum juga akan terus mencari peluang untuk membentuk kerjasama berdaya maju dan bersinergi atau penggabungan dan pengambilalihan, dan memfokus kepada peningkatan pada perkhidmatan berkaitan perniagaannya,” katanya. – BERNAMA